

## **SKIM PINJAMAN YURAN PENGAJIAN IJAZAH PERTAMA LUAR NEGARA**

Skim pinjaman ini diwujudkan bagi membantu para pelajar persendirian (tiada penaja) di luar negara untuk menjelaskan **Yuran Pengajian**. Jumlah pinjaman yang ditawarkan berdasarkan kepada **amaun sebenar yuran pengajian (maksimum USD6,000.00 setahun)** tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Pembiayaan adalah dalam bentuk pinjaman sepenuhnya dan tidak layak dipertimbangkan untuk mana-mana skim penghapusan/pengurangan bayaran balik.

### **A. SYARAT-SYARAT UMUM**

- i. Pemohon mestilah terdiri daripada Rakyat Negeri Terengganu di mana salah seorang ibu atau bapa pemohon berkenaan lahir di Negeri Terengganu
- ii. Pemohon dan/atau ibu/bapa bukan rakyat Terengganu tetapi bermastautin selama 10 tahun atau lebih juga boleh memohon dengan menyertakan Sijil Kerakyatan atau surat akuan bermastautin.
- iii. Ibu/bapa dan/atau pemohon mestilah mendaftar sebagai pemilih/pengundi di Negeri Terengganu.
- iv. Pengajian sepenuh masa dan tidak bekerja.
- v. Keutamaan kepada pemohon dari keluarga berpendapatan rendah (B40).

### **B. SYARAT-SYARAT KHUSUS:**

- i. Telah/sedang mengikuti pengajian sekurang-kurangnya pada tahun ke – 3 ke atas di universiti/kursus yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia terutamanya dalam bidang/negara sebagaimana berikut :
  - ❖ Jordan (Perubatan/Pergigian & Pengajian Islam)
  - ❖ Mesir (Perubatan/Pergigian/Farmasi)
  - ❖ India, Pakistan, Bangladesh, Russia (Perubatan)
  - ❖ Jerman, UK, US, Australia, Korea, Jepun (Sains/Kejuruteraan/Perakaunan)

Walaupun bagaimanapun permohonan dari pelajar di negara / bidang yang lain boleh juga memohon untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tajaan & Pembangunan Pendidikan Yayasan Terengganu.

- ii. Memperoleh CGPA 3.50 ke atas atau Mumtaz/Jayyid Jiddan (Timur Tengah) dalam keputusan peperiksaan tahun/sesi pengajian sebelumnya.
- iii. Tiada penaja.
- iv. Kelayakan untuk permohonan hanya dua (2) kali sahaja sepanjang tempoh pengajian.
- v. Keutamaan dan pertimbangan khas kepada para pelajar tahun akhir (5-6) tanpa syarat kelayakan minimum CGPA. Jika permohonan telah dibuat sebanyak dua (2) kali, maka permohonan tahun akhir tidak dipertimbangkan.

---

### **KAEDAH PERMOHONAN**

Permohonan perlu dikemukakan secara atas talian (on-line) menerusi

<http://ytpenajaan.terengganu.gov.my/login>